

U B065 AAB  
MAHATHIR - LOGO  
(I)

KUALA LUMPUR, 14 APRIL (BERNAMA) -- PARA PERWAKILAN YANG MENGHADIRI PERASMIAN PERSIDANGAN PATA '86 DI SINI HARI INI TERTAWA APABILA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERJENAKA MENGENAI LOGO PENYU.

PERDANA MENTERI, DALAM UCAPANNYA, MENYEBUT MENGENAI USAHA-USAHA YANG DIJALANKAN OLEH MALAYSIA BAGI PERSEDIAAN PERSIDANGAN.

+SALAH SATU HASIL USAHA ITU IALAH LOGO PENYU,+ KATANYA. LOGO BERKENAAN BERBENTUK SEEKOR PENYU YANG SEDANG BERDIRI DENGAN PERKATAAN +PATA '86 MALAYSIA+ PADA BADANNYA.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, PENYU ITU BIASANYA DIJUMPAI DI BEBERAPA BAHAGIAN DI SEPANJANG 600 KILOMETER PANTAI BERPASIR DI PANTAI TIMUR SEMENANJUNG PADA PUKUL 3 PAGI.

TETAPI KINI, BELIAU BERKATA: +ANDA BOLEH MELIHAT PENYU-PENYU DI MERATA TEMPAT.+ -- LAGI

1223MST 14 04 86

D323

U B066 AAB  
MAHATHIR - LOGO 2 KUALA LUMPUR  
(I)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, PARA PERWAKILAN JUGA BOLEH MELIHAT PENYU-PENYU MALAYSIA KINI MEMAKAI CERMIN MATA GELAP.

CERMIN-CERMIN MATA INI, JELAS BELIAU, DIHADIAHKAN OLEH PERBADANAN KEMAJUAN PELANCONGAN (TDC) KEPADA PENYU-PENYU.

+OLEH KERANA PENYU-PENYU HANYA BERTELUR PADA WAKTU MALAM, DIHARAPKAN PENYU-PENYU AKAN DITIPU DENGAN MENGGUNAKAN CERMIN MATA GELAP AGAR MEREKA BERTELUR PADA WAKTU SIANG BAGI MEMEBOLEHKAN PELANCONG MELIHATNYA,+ KATA BELIAU, DAN DISAMBUT OLEH GELAK KETAWA PARA HADIRIN.

KEBANYAKAN PELANCONG, KATANYA, YANG MELAWAT MALAYSIA, DATANG DARI JAUH SEPerti YANG DILAKUKAN OLEH PENYU-PENYU.

+SAYA BERHARAP ANDA JUGA AKAN DATANG KE MALAYSIA DENGAN MEMBAWA TELUR-TELUR EMAS,+ KATANYA. -- BERNAMA

1227MST 14 04 86